



**MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 9/ 2017/2018**

TARIKH : **22 MEI 2018 (SELASA)**
MASA : **8:30 PAGI**
TEMPAT : **i) BILIK MESYUARAT 3, ARAS 3 SPS, UTM JB**
ii) BILIK MESYUARAT SPSKL, TINGKAT 8, MENARA RAZAK, UTM KL

BIL	KEHADIRAN UTM JB	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina bt Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah /Pengerusi	9/9
2.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	5/9
3.	Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	8/8
4.	Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	4/9
5.	Prof. Madya Dr. Nasrul Humaimi Bin Mahmood	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	2/2
6.	Prof. Madya Dr. Sharidan bin Shafie	Fakulti Sains	8/9
7.	Prof. Madya Dr. Dayang Norhayati bte Abang Jawawi	Fakulti Komputeran	5/9
8.	Prof. Madya Dr. Azlina bt. Mohd Kosnin	Fakulti Pendidikan	7/9
9.	Dr. Hasnah bt Mohamed	Fakulti Pendidikan	9/9
10.	Prof. Madya Dr. Anuar bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	5/6
11.	Dr. Zuhaili bin Mohamad Ramly	Fakulti Alam Bina	7/9
12.	Dr. Suresh A/L Ramakrishnan	Fakulti Pengurusan	5/9
13.	Prof. Madya Dr Muhammad bin A. Manan	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	5/5
14.	Dr. Mohamad Hidayat Bin Jamal	Fakulti Kejuruteraan Awam	6/9
15.	Dr. Radziah bt Mohamad	Fakulti Komputeran	9/9
16.	Dr. Mohd Nasir bin Ripin	Fakulti Tamadun Islam	8/9
17.	Prof. Madya Dr. Faizah bt Mohamad Nor	Akademi Bahasa	8/9
18.	Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	9/9
19.	Pn. Nur Hakimi bt Karsono	Sekolah Pengajian Siswazah	9/9

BIL	KEHADIRAN UTM KL	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha bt Abd. Rasid	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	7/7
2.	Dr. Nomahaza bt Mahadi	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	6/8
3.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	UTM Razak	3/7
4.	Dr. Sa'ardin bin Abdul Aziz	UTM Razak School	8/8

5.	Dr. Ooi Chia Yee	UTM MJIIT	5/8
6.	Prof. Madya Dr. Astuty bt Amrin	SPS	
7.	Dr. Siti Sophiayati bt Yuhaniz	SPS	2/3

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Zaidatun bt Tasir	Sekolah Pengajian Siswazah/ Pengerusi	8/8
2.	Prof. Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman	Fakulti Kejuruteraan Awam	0/8
3.	Prof. Madya Dr. Kahar bin Osman	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	2/8
4.	Prof. Madya Dr. Azli bin Yahya	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	0/8
5.	Dr. Aminudin bin Hehsan	Fakulti Tamadun Islam	3/8
6.	Prof. Dr. Mohd Nor bin Mohamad	Fakulti Sains	5/8
7.	Prof. Madya Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	5/8
8.	Prof. Madya Dr. Baharin bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	6/8
9.	Prof. Madya Dr. Razali Bin Abdul Hamid	Fakulti Alam Bina	2/8
10.	Prof. Madya Dr. Siti Aisyah bt Panatik	Fakulti Pengurusan	3/8
11.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	3/7
12.	Prof. Madya Dr. Mohd Shahidan bin Abdullah	UTM AIS	6/8
13.	Prof. Zamri bin Mohamed	Perdana School	0/8
14.	Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Bin Zainuddin	SRAD	3/8

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Prof. Dr. Ezzat Chan bin Abdullah	MJIIT
2.	Mohamad Sukri bin Mat Ali	MJIIT
3.	Pn. Zaharah bt Ahmad	UTM AIS
4.	En. Nasir bin Osman	UTM Razak School
5.	Pn. Hj. Nor Azlinda bt Abu Bakar	AMD
6.	Pn. Intan Shahnaz bt Zulkifli	AMD
7.	Cik Khairani bt Ibrahim	ARO
8.	Pn. Najwa bt Mohamed	SRAD
9.	Cik Radiatul Hadaviyah bt Ramlan	SPS
10.	Pn. Farhana binti Ayub	Urusetia
11.	Cik Norazlina binti Azizi	Urusetia
12.	Pn. Akmalinnisa bt Md Hidiyah	Urusetia
13.	Pn. Nor Hidayati bt Mokhtar	Urusetia
14.	Pn. Masliyana bt Khalid	Urusetia
15.	Pn. Huzaimah bt Nasir	Urusetia
16.	Pn. Noraliza bt Tasiran	Urusetia

1.0 ALUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan majlis dengan mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah.

1.1 Cuti Sabatikal

Pengerusi memaklumkan bahawa Dekan SPS sedang bercuti sabatikal selama 3 bulan sehingga bulan Julai 2018. Sehubungan dengan itu, pengerusi akan menggantikan Dekan untuk mempengerusikan mesyuarat sehingga Julai 2018.

Makluman : Semua

1.2 Audit MyRA

Pengerusi memaklumkan bahawa audit MyRA telah berlangsung dengan jayanya pada 14 hingga 15 Mei 2018 yang lalu. Walaubagaimanapun, pihak SPS masih lagi belum mendapat laporan rasmi dari pihak auditor. Satu mesyuarat post mortem audit akan diadakan pada 24 Mei 2018 bagi membincangkan dapatan serta tindakan yang perlu diambil untuk audit yang akan datang.

Untuk makluman perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh semua Fakulti adalah berkenaan penurunan bilangan GOT yang mana ianya memberi impak besar kepada markah MyRA.

Pengerusi juga merakamkan ucapan tahniah kepada semua Fakulti dan PTJ atas kerjasama yang diberikan.

Makluman : Semua

1.3 Perangkaan GOT PhD & MSc

1.3.1 Pengerusi memaklumkan bahawa Fakulti perlu memberi penekanan terhadap bilangan GOT PhD dan MSc di fakulti masing-masing. Ini kerana impak markah bagi bilangan GOT adalah sangat besar di dalam audit MyRA. Untuk sehinggalah Mei 2018 hanya 44 orang sahaja pelajar PhD yang berjaya GOT.

Sehubungan itu pengerusi memohon agar satu tindakan perancangan dari fakulti dapat dibuat bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh SPS.

Pengerusi juga mengucapkan tahniah kepada Fakulti Sains kerana berjaya mendapatkan bilangan GOT yang tertinggi dari fakulti lain. Pengerusi juga meminta agar Fakulti Sains dapat berkongsi tindakan yang diambil bersama fakulti lain dalam mencapai sasaran GOT yang telah ditetapkan.

Tindakan : Semua Fakulti

1.3.2 Pengerusi juga menyuarakan kebimbangan berkenaan jumlah GOT pelajar Sarjana yang amat sedikit berbanding pelajar PhD. Untuk makluman perkara ini juga telah dibincangkan oleh ahli SENAT yang

mana mereka pernah bertanyakan samada adakah pengajian SARJANA lebih sukar dari PhD ?.

Sehubungan itu Pengerusi meminta agar semua fakulti melihat kepada permasalahan ini serta mengenalpasti alasan yang menyebabkan pelajar Sarjana gagal untuk GOT.

Sehubungan itu Pengerusi mencadangkan agar TDA Fakulti melihat kembali proses pengurusan viva di fakulti masing-masing untuk mengenalpasti sekiranya terdapat tesis yang dihantar mengambil masa yang lama untuk diproses. Pemantauan juga perlu dibuat oleh pihak fakulti terhadap dokumen yang telah dihantar ke Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam.

Untuk makluman SOP bagi pengurusan tesis telah ada di dalam KAPS 10 dan fakulti boleh merujuk KAPS berkenaan.

Tindakan : TDA Fakulti

1.4 Perangkaan Graduan

Pengerusi memaklumkan bahawa bilangan graduan sehingga Mei hanyalah 274 orang sahaja yang mana ianya bilangan yang amat membimbangkan. Sehubungan itu pengerusi memohon agar semua fakulti memantau perjalanan proses pengurusan viva di fakulti bagi memastikan sasaran graduan tercapai. Ini kerana SOP pengurusan VIVA telah diberikan dan ianya mempunyai 'timeline'. Sehubungan itu fakulti hanya perlu memastikan 'timeline' berkenaan diikuti dan sentiasa membuat 'follow up' dengan mengeluarkan peringatan mesra kepada PL/PD yang terlibat.

Tindakan : TDA Fakulti

1.5 Keputusan Peperiksaan Lisan PhD

Pengerusi memaklumkan keputusan viva yang tertinggi adalah 'b2' yang mana jumlah pelajar yang mendapat 'b2' adalah seramai 170 pelajar.

Makluman : Semua

1.6 MyBrain

Pengerusi memaklumkan bagi MyMaster, seramai 303 calon telah melepasi peringkat pertama dan 23 calon tidak hadir. Untuk makluman, seramai 12 orang calon dari yang hadir tidak disokong untuk ditawarkan biasiswa.

Untuk MyPhD, seramai 383 calon telah hadir, 10 orang calon tidak hadir dan 11 calon daripada 383 orang tidak disokong.

Ahli mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Dekan SPS telah menghadiri mesyuarat MyBrain15 bersama pihak KPT dan beliau dimaklumkan bahawa masih belum lagi ada keputusan diambil untuk pemberian biasiswa ini kerana keputusan adalah tertakluk kepada kerajaan baharu.

Makluman : Semua

1.7 IDF

Pengerusi membentangkan statistik permohonan terkini iaitu seramai 232 calon telah memohon. Untuk makluman seramai 182 calon telah disahkan oleh penyelia dan bakinya masih belum disahkan kerana terdapat masalah di dalam sistem ACAD.

Senarai calon yang telah disahkan akan diemelkan kepada semua penyelia untuk dibuat semakan. Pengerusi juga memaklumkan bahawa mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa akan diadakan pada hari Ahad 27 Mei 2018 dan fakulti perlu menyelesaikan pengesahan ini sebelum mesyuarat JKTS P&P.

Tindakan : Fakulti

1.8 Anugerah Akademik

Pengerusi memaklumkan bahawa permohonan Anugerah Akademik telah dibuka sehingga 13 September 2018 bagi Majlis Konvokesyen yang ke 61. Sehubungan itu, Fakulti diminta untuk membuat hebahan berkenaan perkara ini kepada pelajar.

Tindakan : Fakulti

1.9 Borang Semakan Proposal Oleh Penilai

Pengerusi memaklumkan bahawa borang semakan proposal oleh penilai telah dimuatnaik di dalam *Google Drive* dan fakulti diminta untuk menggunakan borang tersebut.

Makluman : Semua

1.10 Cetakan Sijil Merit Dan Sijil Kecemerlangan A1 & B1

Pengerusi memaklumkan bagi cetakan sijil merit dan sijil kecemerlangan akan dipanjangkan ke fakulti kerana VIVA telah diuruskan sendiri oleh fakulti. Sijil ini akan ditandatangani oleh Dekan fakulti sebelum diserahkan kepada pelajar.

Tindakan : Fakulti

1.11 Penggunaan Borang Akuan Menulis Tesis Dalam Bahasa Melayu

Pengerusi memaklumkan bahawa borang ini dikeluarkan oleh SRAD untuk kegunaan pelajar serumpun kerana pelajar tidak mempunyai sijil IELTS. Borang perlu ditandatangani oleh Dekan dan Timbalan Dekan fakulti untuk mengesahkan pelajar akan menulis tesis di dalam Bahasa Melayu.

Sehubungan itu fakulti perlu peka dengan segelintir pelajar yang mana ada di antara mereka yang telah memohon untuk menulis tesis di dalam Bahasa Melayu tetapi telah menghantar tesis mereka di dalam Bahasa Inggeris.

Makluman : Semua

1.12 Pindaan Borang Minit Bebas JAPSU

Pengerusi turun memaklumkan bahawa SPS akan menyelaraskan borang minit bebas dan NHT JAPSU dan akan diedarkan kepada semua fakulti.

Tindakan : SPS

1.13 Statistik Notis Hantar Tesis dan Minit Bebas

Pengerusi turut memaklumkan terdapat beberapa permasalahan semasa semakan notis hantar tesis dan minit bebas dibuat oleh fakulti, yang mana SPS mendapati ada fakulti yang melantik staf akademik yang hampir bersara.

Sehubungan itu, bagi melancarkan pengurusan VIVA pengerusi memohon agar fakulti menyemak serta melihat perkara ini agar tidak menjejaskan perjalanan penulisan tesis pelajar.

Tindakan : Fakulti

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 8/2017/2018

Minit mesyuarat diluluskan dengan sebulat suara dengan pembetulan seperti berikut:

- 2.1 Kehadiran : Prof. Madya Dr. Nasrul Humaimi Bin Mahmood FKE.
- 2.2 Perkara 12.1 iGOT dipinda tajuk kepada Tanguh Pengajian
- 2.3 Perkara 12.3 Borang Penilaian Peringkat Pertama bagi perkara ii menjadi satu tajuk lain iaitu VIVA

Makluman: Semua

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Perkara 1.17 COPIA 2018

Pengerusi memaklumkan, fakulti perlu memuatnaik COPIA di dalam system yang telah diemailkan oleh pihak QRIM. Untuk makluman SWA-Akreditasi akan berlangsung selepas hari raya dan tarikh akhir menghantar laporan kepada QRIM adalah pada 27 Mei 2018.

Tindakan : Fakulti

3.2 Perkara 3.1 Pengurusan VIVA Di Fakulti

Pengerusi memaklumkan bahawa SPS mempunyai baki tabung kewangan sebanyak RM500K dan jumlah ini akan diagihkan kepada fakulti. Namun demikian, terdapat tiga PTJ yang terlibat untuk melaksanakan pengagihan ini iaitu SPS, CICT dan Bendahari. Di peringkat SPS tidak mempunyai masalah kerana peruntukkan memang telah sedia ada, walaubagaimanapun terdapat permasalahan di Pejabat Bendahari yang tidak mempunyai opsyen arahan pembayaran ke fakulti di dalam sistem yang menyebabkan bayaran masih belum boleh dibuat kepada fakulti.

Sehubungan dengan itu, satu perjumpaan akan diadakan dalam masa terdekat oleh SPS bersama CICT dan Bendahari untuk menyelesaikan permasalahan ini.

Tindakan : SPS

3.3 Perkara 12.1 Tangguh Pengajian

AMD meminta SPS membuat pindaan terhadap peraturan tangguh pengajian untuk dijadikan punca kuasa. SPS akan membentangkan kertas kerja ini di dalam JKTS DEA.

Tindakan : SPS

3.4 Perkara 12.5 Remote Students

Wakil dari SRAD memaklumkan yang mereka akan membentangkan deraf *remote supervision* di dalam mesyuarat yang akan datang. AMD meminta agar pihak SRAD mengambil maklum rekod kod pelajar remote dengan mengambil kira kaedah pelaksanaan atau kod pelajar.

Tindakan : SRAD

4.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

4.1 Pelajar Yang Tidak Daftar Kursus

AMD memaklumkan bahawa pada mesyuarat JKTS yang lalu ahli mesyuarat memutuskan untuk memberi masa seminggu kepada pelajar untuk menukar atau menangguh pengajian. Ini adalah kerana ada pelajar yang baru mendaftar kursus selepas menyelesaikan hutang yuran pembelajaran.

AMD memaklumkan juga bahawa tarikh yang diberikan adalah sehingga 24 Mei 2018 bagi UTMJB dan 25 Mei 2018 bagi UTMKL.

Makluman : Semua

4.2 Pelajar Status Diberhentikan

Bagi pelajar yang diberhentikan dan belum pernah membuat tangguh pengajian, mereka masih dibenarkan untuk mendaftar. Mereka juga dibenarkan untuk melakukan proses pindah kredit untuk subjek yang pernah diambil sebelum ini dan ianya tertakluk kepada peraturan akademik.

Makluman : Semua

5.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

5.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakui pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Kejuruteraan iaitu seramai 10 pelajar.

Makluman : Semua

5.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Dan Teknologi iaitu seramai 7 pelajar.

Makluman : Semua

5.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Sosial iaitu seramai 5 pelajar.

Makluman : Semua

6.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA

6.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Kejuruteraan iaitu seramai 4 pelajar.

Makluman : Semua

6.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Dan Teknologi iaitu seramai 6 pelajar.

Makluman : Semua

6.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Sosial iaitu seramai 1 pelajar.

Makluman : Semua

7.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis seperti berikut:

- 7.1. AZIZAH BINTI MOHAMAD (PCS143006)**
- 7.2. ANIS FARHAN BINTI KAMARUZAMAN (PCS143005)**
- 7.3. FATEMEH JOMEHZADEH (PA133051)**
- 7.4. OOI THEAM YIEW (MKA143018)**
- 7.5. SUZANNA BTE RIDZUAN AW (PE113142)**
- 7.6. NUR DALILAH BTE NORDIN (PE133065)**
- 7.7. AIZUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN (PJ133017)**
- 7.8. SEYED ALIREZA GHAZANFARI (PM123058)**
- 7.9. JIMISIAH BT JAAFAR @ KAMIS (PH103100)**

Makluman : Semua

8.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis dan Pelantikan Panel Baharu seperti berikut:

- 8.1 RASHIDAH BTE GHAZALI (PE113050)**
- 8.2 ADE ERAWAN BIN MINHAT (PE103127)**
- 8.3 AMMAR HOSSAM ABOUBAKRESEDDIK ABOUELEZZ (MJ133059)**

Makluman : Semua

9.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelantikan Panel Pemeriksa Baharu seperti berikut:

- 9.1 HAMID TOLOUE AJILI TUOSI (PJ123007)**
- 9.2 BRUNO LOT TANKO (PBE143037)**

Makluman : Semua

10.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelanjutan Tempoh Pembetulan seperti berikut:

- 10.1 NOOR HIDAYAH BT ZAKARIA (PC133086)**
Diluluskan 2 bulan sehingga 9 Julai 2018
- 10.2 SUMAIYA RAHMAN (MKE143036)**
Diluluskan 2 bulan sehingga 25 Julai 2018.
- 10.3 MUHAMMAD ADIB BIN MD NASIR (MM113048)**
Diluluskan 2 bulan sehingga 6 Julai 2018

Makluman : Semua

11.0 PERMOHONAN PENGECCUALIAN/PENGURANGAN YURAN

11.1 PENGECCUALIAN YURAN BAGI PERINGKAT SARJANA FALSAFAH

Mesyuarat meluluskan permohonan pengecualian yuran staf seperti berikut:

- 11.1.1 Pn. Rohaiza bt Muda (MKK143018)**

Makluman : Semua

11.2 PENGURANGAN YURAN BAGI ANAK/PASANGAN STAF

Mesyuarat turut meluluskan permohonan pengecualian yuran bagi anak/pasangan staf seperti berikut:

11.2.1 Nooradilla Binti Abu Hasan (PMJ163017)

Makluman : Semua

12.0 HAL-HAL LAIN

12.1 Pengurusan Peperiksaan Program Pesisir

Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali, TD(PP&K), SPS telah memaklumkan bahawa untuk peperiksaan pesisir, tarikh akhir penghantaran kertas soalan adalah pada 23 Mei 2018. Terdapat perubahan dalam proses pengumpulan kertas soalan, di mana kertas soalan tersebut akan diserahkan dan di simpan di SPS. Perubahan di pusat UTMJB dan UTMKL ini dilakukan untuk menjimatkan kos. Sekiranya peperiksaan dijalankan di UTMKL, hanya seorang pengawas dan dua orang pembantu dari UTMJB akan dihantar untuk bertugas.

Sekiranya peperiksaan dijalankan di cawangan, urusan peperiksaan akan diuruskan oleh staf akademik itu sendiri. Surat lantikan bagi pengawas dan pembantu pengawas akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Pengawas juga diminta mengambil kertas peperiksaan sehari sebelum di SPS.

Tindakan : Fakulti

12.2 Senarai Nama Pelajar Menduduki Peperiksaan

TD (PPK) juga memohon jasa baik fakulti untuk menyemak senarai pelajar yang mendaftar kursus di dalam sistem kerana hasil semakan mendapati bahawa senarai nama pelajar yang akan menduduki peperiksaan yang diberi oleh fakulti tidak sama dengan senarai nama di dalam sistem.

Beliau turut memaklumkan mana—mana pelajar yang tidak mendaftar di dalam sistem tidak akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.

Tindakan : Fakulti

12.3 Status Penangguhan

Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad meminta penjelasan perbezaan menangguh pengajian dengan pengisian borang dengan pelajar yang ditangguhkan. AMD memaklumkan mengikut peraturan akademik tiada perbezaan hanya semester pengajian diambil kira. Pelajar yang tidak mendaftar kursus tidak akan dikenakan yuran tetapi sekiranya pernah mendaftar akan dikenakan bayaran yuran.

Sehubungan itu, Pengerusi meminta bantuan fakulti untuk menghubungi pelajar sebelum diberikan tangguh pengajian secara automatik. Fakulti juga

boleh membantu dengan membuat promosi berkaitan pengisian borang penangguhan. Sekiranya pelajar masih tidak mengisi borang penangguhan sebanyak 2 kali pelajar berkenaan boleh diberhentikan.

Makluman : Semua

12.4 One Stop Centre

Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad meminta maklumbalas perkembangan *One Stop Centre* seperti yang dicadangkan di dalam Mesyuarat JAPSU yang lalu. Pengerusi memaklumkan bahawa CICT sedang dalam persiapan sinergi dahulu dan kesemua sistem lain ditangguhkan sehingga pelaksanaan sinergi siap sepenuhnya.

Makluman : Semua

12.5 Tarik Diri/ Diberhentikan

Prof. Madya Dr. Faizah meminta pandangan mengenai kaedah yang bersesuaian untuk pelajar yang tarik diri atau diberhentikan. AMD memaklumkan bahawa sebaik-baik kaedah adalah pelajar perlu tarik diri secara rasmi untuk memastikan rekod mereka bersih dari rekod diberhentikan.

Walau bagaimanapun, semua hutang perlu diselesaikan terlebih dahulu. AMD memaklumkan bahawa pihak AMD turut menerima pemakluman melalui emel berkaitan kes tarik diri pelajar. Ini adalah salah satu bukti status pelajar berkenaan dan ianya diterima pakai untuk mengemas kini rekod pelajar.

Makluman : Semua

13.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.30 pagi dengan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Disemak Kedua:

**PUAN NORALIZA
BT TASIRAN**

Setiausaha
Sekolah Pengajian
Siswazah

**PN. FARHANA BT
AYUB**

Penolong Pendaftar
Bahagian Pengurusan
Akademik & Kualiti
Sekolah Pengajian
Siswazah

**PN. NUR HAKIMI BT
KARSONO**

Pemangku Timbalan
Pendaftar
Sekolah Pengajian
Siswazah